

Bekas lombong terbesar

Pandan Mewah kini kawasan prima pesat membangun

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN

Generasi muda mungkin tidak mengetahui Pandan Mewah yang pesat membangun, pada asalnya merupakan antara tapak lombong terbesar di kawasan Cheras/Ampang.

Pengerusi Permuafakatan Kawasan Rukun Tertinggi (KRT) Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor berkata, Pandan Mewah kini dianggap sebagai kawasan prima kerana ia tidak jauh dari pusat bandar, Kuala Lumpur.

"Kawasan Pandan Mewah adalah di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Komposisi kaum di sini, seimbang setelah projek fasa 3 dibangunkan dan siap sepenuhnya pada 1995.

"Keluasan kawasan adalah 3.0 juta kaki persegi, ada pelbagai jenis kediaman telah dibina iaitu rumah teres satu tingkat, rumah teres dua tingkat, flat, kondominium, kuarters sekolah dan kuarters hospital," katanya.

Abd Haffidz berkata, selain itu terdapat juga deretan kedai runcit dan kawasan industri bagi keperluan pelbagai perniagaan bagi memenuhi keperluan setempat.

"Kawasan ini juga mempunyai keperluan persekolahan, pusat ibadah dan hospital untuk masyarakat di sini seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ong Pong 2, Sekolah Menengah Kebangsaan

Pandan Mewah dan Hospital Ampang," katanya.

Menurutnya, penduduk mula merancang pembinaan kemudahan atas terutamanya tempat beribadat.

"Walaupun pihak pemaju telah menyediakan kawasan seluas 16,000 kaki persegi untuk rumah ibadat orang Islam tetapi kami telah membuat keputusan yang tepat untuk memilih satu kawasan yang sesuai untuk jangka masa panjang serta memberi keselesaan dalam pelbagai aspek," katanya.

Impian penduduk direalisasi

Menurutnya, sejak 1995 hingga awal tahun 2000 segala usaha telah dilakukan melibatkan perancangan awal dan juga mengenal pasti agensi yang boleh membantu merealisasikan impian penduduk itu.

"Kami berasa bersyukur dengan kerjasama MPAJ, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), dermawan, profesional yang banyak menghulurkan bantuan. Pada awal tahun 2000 majlis pecah tanah dan menanda arah kiblat dapat dilaksanakan," katanya.

Abd Haffidz yang juga bekas Pengerusi Balai Islam berkata, penduduk telah memutuskan untuk menamakan kawasan pembangunan itu sebagai Balai Islam Pandan Mewah adalah selaras dengan imej, saiz dan perancangan masa depan.

"Kami melalui pelbagai dugaan dan cabaran untuk membangunkan rumah ibadat seluas 10,000 kaki persegi sebagai sebahagian dari komponen Balai Islam Pandan Mewah untuk pembangunan fasa pertama dan siap sepenuhnya pada 2006 dengan pelbagai kemudahan," katanya.

Menurutnya, pada penghujung 2007, JAIS telah memberi kelulusan untuk solat Jumaat.

"JAIS telah banyak membantu kelincinan pengurusan Balai Islam Pandan Mewah yang kini dikenali sebagai Surau Taman Pandan Mewah.

"Namun beberapa kemudahan seperti dewan serbaguna, bilik kuliah tafiz, kios perniagaan tidak dapat dilaksanakan," katanya.



Tubuh KRT demi kesejahteraan

ABD HAFFIDZ berkata, setelah hampir semua keperluan warga Islam dilengkapi, sebagai penempatan masyarakat majmuk, penduduk memikirkan kesejahteraan kaum lain juga.

"Seawal 2006 kami bersetuju menubuhkan KRT yang sebelumnya kami cadangkan untuk tubuhkan persatuan penduduk, tetapi di atas beberapa hal pentadbiran kami setuju tubuhkan KRT yang disahkan penubuhannya pada 2008," katanya.

Menurutnya, KRT ketika itu terpaksa menumpang di Balai Islam Pandan Mewah dan pejabat Kemas.

"Disebabkan keahlian AJK KRT adalah dari pelbagai kaum maka kami perlu mendapatkan satu tempat yang sesuai untuk semua orang terlibat.

"Kami terus berusaha mendekati pelbagai pihak dan akhirnya pada 2007, wakil rakyat ketika itu, Datuk Mad Aris Mad Yusof bersetuju menyediakan satu dewan untuk kegunaan KRT menjalankan aktiviti," katanya.

Beliau berkata, selain menjalankan aktiviti perpaduan dan keharmonian masyarakat, pihaknya juga bekerjasama dengan polis untuk memastikan

kesejahteraan dan keselamatan terjamin.

"KRT Taman Pandan Mewah juga di antara 100 KRT di Malaysia terpilih dalam program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi melaksanakan dalam program Rapat 1Malaysia.

"Aktiviti rondaan ini melibatkan KRT, PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya.

Menurutnya, ia sebagai menyahut seruan memelihara kehijauan di samping membina masyarakat sihat.


"Penduduk dapat sokongan MPAJ dalam mengusahakan sebuah kawasan terbiru yang menjadi 'port' dadah, tempat pembuangan bangkai motor curi dan aktiviti tidak sihat, ditukarkan menjadi satu kawasan bermanfaat kepada masyarakat melalui Projek Kebun Komuniti sejak 2015," katanya.

Abd Haffidz berkata, pihaknya mendapat kerjasama daripada Jabatan Pertanian, Mardi dan penyelidik UPM.

"Sudah pasti sepanjang pengorbanan kami semasa menjalankan tanggungjawab sosial ini, kami berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan," katanya.



ABD HAFFIDZ



PANDAN MEWAH



Surau Taman Pandan Mewah.

Sebahagian komuniti Taman Pandan Mewah.